

Kerajaan tidak akan minta maaf kepada penulis

OM 24 OCT 2007

KUALA LUMPUR
23 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tidak akan memohon maaf kepada penulis buku *Inside al-Qaeda-Global Network of Terror*, Rohan Gunaratna walaupun kandungan bukunya tidak menggambarkan kaitan Barisan Nasional (BN) dengan

rangkaiannya kumpulan pengganas al-Qaeda.

Sebaliknya, tegas Perdana Menteri, penulis Sri Lanka yang bekerja di Singapura itu perlu lebih berhati-hati mengenai apa yang ditulisnya pada masa akan datang.

Katanya, Kabinet hari ini telah mengkaji buku tulisan Gunaratna dan mendapati dia hanya mengaitkan BN dengan MILF.

Dalam hubungan ini, kata beliau, kerajaan BN sebenarnya memang ada hubungan dengan MILF selepas membantu Kerajaan Filipina menandatangani perjanjian dengan kumpulan tersebut di sini sebelum ini, bagi menyelesaikan masalah di selatan negara itu.

"BN memang ada hubungan dengan MILF sebab kita bantu Kerajaan Filipina untuk menyelesaikan masalah di selatan negara itu.

"Malah, dia (MILF) ada di Kuala Lumpur (sebelum ini) tandatangan perjanjian dengan Kerajaan Filipina disaksikan oleh wakil Kerajaan Malaysia.

"(Apa pun) kita tak akan minta maaf (kepada Gunaratna) sebaliknya dia perlu lebih berhati-hati apa yang dia buat dan kita masih nak tahu bagaimana dia dapat maklumat itu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menutup Seminar Antarabangsa Dinar Emas Dalam Perdagangan Pelbagai Hala di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) di sini, hari ini.

Perdana Menteri ditanya sama ada perlu Kerajaan Malaysia memohon maaf kepada Gunaratna selepas bukunya didapati hanya mengaitkan hubungan BN dengan MILF dan bukan al-Qaeda.

Malaysia baru-baru ini membantah keras laporan kumpulan pemantau kegiatan keganasan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang mengaitkan BN dengan rangkaian al-Qaeda.

Laporan itu dipetik dari buku tulisan Gunaratna.

Ekoran itu, pelbagai pihak mendesak kerajaan melakukan siasatan menyeluruh ke atas penulis buku itu yang dikatakan mahu melakukan sabotaj terhadap pemerintah negara ini yang dipilih oleh rakyat.

Menurut Dr. Mahathir, Malaysia telah membuat bantahan kepada PBB berhubung isu itu, tetapi sehingga kini belum menerima maklum balas.

Bantahan kepada Pengerusi Jawatankuasa Majlis Keselamatan PBB, Alfonso Valdivoso dibuat melalui Wakil Tetap Malaysia ke PBB, Tan Sri Hasmy Agam, 7 Oktober lalu.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir berkata, langkah Kerajaan Indonesia meluluskan Dekri Keganasan bagi membendung gejala itu di republik tersebut mungkin dibuat selepas peristiwa pengeboman di Bali yang mengorbankan lebih 190 orang sebahagian besarnya rakyat asing.

Menurut beliau, jika dekri tersebut diwujudkan sebelum kejadian itu, kerajaan Indonesia mungkin dituduh mahu meneken umat Islam di